

**Sila semak semasa dilafazkan**

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PENYERAHAN BUNGKUSAN RAYA  
KEPADA PASUKAN KESELAMATAN NEGARA  
DI SERI PERDANA, PUTRAJAYA  
PADA HARI SABTU, 9 DISEMBER 2000  
JAM 9.00 PAGI**

---

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan dahulu ke hadrat Ilahi atas limpah kurniaNya kepada kita semua yang sekali lagi dapat berkumpul dalam Majlis Penyerahan Bungkusan Hari Raya 2000 kepada Pasukan Keselamatan Negara pagi ini.

2. Saya, bagi pihak BAKTI dan diri sendiri, mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu kenamaan dari kedua-dua pasukan Angkatan Tentera dan Polis Di Raja Malaysia dan mengucapkan berbanyak terima kasih.

3. Semoga Allah SWT akan memberkati usaha kita dan Majlis ini jua, Insyaa-Allah.

4. BAKTI ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah, penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga awal-awal lagi, atas segala usaha, jasa dan pengorbanan yang telah di sumbangkan oleh anggota-anggota ATM & PDRM untuk menjaga keamanan dan kedaulatan rakyat dan negara yang tercinta ini. BAKTI tahu bahawa khidmat anggota ATM & PDRM amat profesional dan cemerlang, khasnya ketika bertindak untuk menangani krisis-krisis yang terserempak jadi.

5. Semua rakyat terperanjat dan terpegun atas berlakunya peristiwa buruk di Sauk, Perak pada pertengahan tahun ini. Alhamdulillah, dengan tindakan cepat oleh Angkatan Keselamatan Negara kita, percubaan untuk menjatuhkan Kerajaan dengan menggunakan senjata, telah ditumpaskan. Pengorbanan nyawa telah berlaku dan BAKTI amat berasa sama sedih dengan rakyat jelata atas cara pengorbanan ini berlaku.

Semoga Allah S.W.T memberi tempat dalam Syurga wira-wika kita yang terkorban itu dan semoga jua Allah memberi kepada keluarga mangsa-mangsa itu banyak kesabaran hati dan menyerahkan balasan kepada Tuhan sahaja.

6. Di dalam sesuatu peristiwa sebegitu rupa, sering timbul wira-wiranya. Ada wira-wira yang terkorban, ada yang berjaya menghasilkan sesuatu. Mungkin kita masih ingat lagi peristiwa Memali dalam tahun 80-an dimana ramai juga anggota Polis terkorban. Ada juga wira kita berani berhadapan dengan pihak pemberontak tanpa bersenjata untuk merayu dengan ikhlas kepada mereka supaya menyerah diri. Usaha itu gagal dan akhirnya pertempuran berlaku dengan ramai pemberontak mati dibunuh tetapi keadaan terkawal.

7. Di Bukit Jenalik, Perak, Leftenan Jeneral Zaini telah berhadapan dengan Ketua Pemberontak yang bersenjata tetapi berjaya mematahkan maksud pemberontak tanpa banyak pengorbanan nyawa.

8. BAKTI ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada wira-wira kita atas keberanian dan semangat berjuang mereka dalam peristiwa Bukit Jenalik itu. Profesionalisma yang di amalkan oleh Angkatan Tentera itu membawa keyakinan dan kepercayaan kepada rakyat jelata.

9. Pada dua tiga bulan lalu, saya mengikuti YAB Perdana Menteri ke Sarajevo buat seketika lawatan 6 jam sahaja. Kami disambut di laman Istana tetamu oleh ramai anggota Polis Malaysia berpakaian beret biru. Perasaan saya terharu melihat mereka megah dengan pakaian kemas melambangkan perkhidmatan dibawah lambang PBB. Apa yang saya cukup banggakan dan bersyukur ialah pasukan Polis kita itu benar-benar mewakili warga Malaysia yang berbilang kaum. Mereka cukup bangga dan gembira di hantar ke Bosnia-Herzegovina untuk berkhidmat sebagai Instructors dan sambutan orang-orang tempatan terhadap mereka amatlah baik. Inilah satu-satunya tindakan

Pasukan Polis yang meninggikan nama dan imej PDRM dan negara di negara asing. Saya ucapkan Tahniah.

10. Bagi Ahli BAKTI yang tidak boleh membantu lebih pada menyumbang derma dan barangan makanan untuk anggota Keselamatan Negara, kami berasa amat rendah diri manakala dibandingkan tugas-tugas dan khidmat anggota ATM dan PDRM dengan apa yang BAKTI sumbangkan pada hari ini. Kami berharap bungkusan makanan yang di sediakan ini akan jua menghiburkan dan diterima dengan ikhlas oleh wira-wira kita yang bertugas pada Hari Raya Aidil Fitri di dalaman, perbatasan, di laut dan di udara negara dan juga mereka yang ramai berkhidmat di luar negara. Kita tahu pasukan Angkatan Tentera dan PDRM tidak dihantar keluar negara sekiranya negara itu aman. Oleh itu tugas dan tanggungjawab mereka sama-sama mencabar dan berat juga.

11. Pada tahun ini BAKTI menyediakan 12,000 kotak makanan untuk ATM dan 5000 kotak untuk PDRM seperti kehendak mereka. BAKTI bergembira menyediakannya dan berdoa semoga anggota Pasukan Keselamatan akan menerimanya dengan baik. Kami berdoa jua semoga Allah SWT akan sentiasa memberi taufik dan hidayahNya kepada anggota ATM dan PDRM dan perlindungan daripada segala penyakit, bala merbahaya di mana jua mereka berada, Insya-Allah.

12. Kepada para isteri dan keluarga anggota yang tinggal di rumah, BAKTI mendoakan semoga Allah S.W.T. mencucuri rahmat bahagia dan hidup dalam iman dan sabar bersama anak-anak. Di nasihati para isteri sentiasa menjaga diri dan anak-anak dan berhubung rapat dengan BAKAT dan PERKEP yang saya yakin boleh memberi khidmat nasihat dan menjaga kebajikan ahli-ahli mereka.

13. Sekali lagi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara serta BAKAT dan PERKEP kerana bersama-sama dengan BAKTI dalam Majlis ini yang menyempurnakan hasrat dan hajat kami terhadap Anggota ATM dan PDRM kita.

14. Selamat menyempurnakan bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidil Fitri sesudahnya bagi anggota beragama Islam dan Selamat Hari Krismas bagi anggota yang beragama Kristian yang sama-sama bertugas.

\*\*\*\*